

06/03/2000

PNB akan lancar produk pelaburan baru

PERMODALAN Nasional Berhad (PNB), pengurus dana saham amanah terbesar di negara ini akan melancarkan satu lagi produk pelaburan baru pada perasmian Minggu Saham Amanah pada 20 April ini.

Ketua Eksekutifnya, Hamad Kama Piah Che Othman berkata, produk terbaru kumpulan itu mirip kepada Amanah Saham Nasional 2 (ASN 2) yang dilancarkan Jun tahun lalu.

Katanya, saham amanah baru itu akan dibuka kepada golongan Bumiputera dan bukan Bumiputera, bagi disesuaikan dengan matlamat PNB untuk menarik lebih ramai bukan Bumiputera membuat pelaburan dalam saham amanahnya.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lebih lanjut saham amanah baru yang akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu.

"Kita terima banyak pertanyaan daripada pelabur bukan Bumiputera yang mahu PNB terus mengeluarkan produk saham amanah yang memberi kesempatan kepada mereka membuat pelaburan.

"Setakat ini, pelaburan bukan Bumiputera dalam PNB ialah menerusi Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) membabitkan RM1.5 bilion pelaburan daripada RM3 bilion saiz dana yang diperuntukkan.

"Bagaimanapun, peruntukan pelaburan bagi golongan itu (bukan Bumiputera) dalam ASW 2020 sudah habis dijual manakala kira-kira RM1 bilion lagi unit saham bagi kuota Bumiputera belum dijual," katanya kepada pemberita pada Majlis Makan Malam Bersama PNB, di Johor Bahru, malam Jumaat lalu.

Majlis bagi meraikan wakil daripada 157 ejen PNB di seluruh Johor turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Johor, Datuk Dr Shahrir Nasir.

PNB pada masa ini mempunyai kepentingan ekuiti dalam lebih 200 syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan berjaya menarik tujuh juta pelabur di seluruh negara. Ia mengendalikan dana bernilai kira-kira RM30 bilion.

Hamad berkata, PNB akan terus memperkenalkan amanah saham yang berkonsepkan pelaburan untuk semua golongan seperti Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan pelaburan yang memberi pengkhususan bagi golongan tertentu seperti ASW 2020 dan ASN 2.

Menerusi dua kategori yang berbeza itu, beliau menjelaskan, rakyat berpeluang membuat pelaburan mengikut kedudukan dan kemampuan sumber kewangan masing-masing.

"Keunikan pengurusan saham amanah PNB ialah pelabur boleh mengeluarkan dividen atau pelaburannya secara langsung di semua 1,300 wakil di seluruh negara berbanding saham amanah lain yang mengenakan pelbagai syarat," katanya.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya akan mengkaji dan meneliti sebelum memutuskan sama ada menambah lagi wakilnya di seluruh negara berikutan penggabungan bank dan institusi kewangan.

Antara bank dan institusi kewangan yang menjadi wakil PNB di seluruh negara ialah Maybank, Mayban Finance, RHB Bank, Bumiputra-Commerce Bank dan Pos Malaysia Berhad.

(END)